



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT HASRAT KERJASAMA ANTARA YAYASAN WAQAF MALAYSIA BERSAMA RAKAN INDUSTRI

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) hari ini mengadakan **Majlis Penyerahan Surat Hasrat Kerjasama (Letter of Intent)** bersama tujuh (7) rakan industri dalam usaha memperkukuh ekosistem wakaf di Malaysia melalui pelbagai inisiatif berimpak tinggi merangkumi sektor kesihatan, pendidikan, sosial, dan teknologi digital.

Kerjasama strategik ini bertujuan memperluas pelaksanaan projek wakaf secara holistik dan mampan, selaras dengan visi Pelan Transformasi Al-Falah serta prinsip Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan dan nilai ihsan dalam masyarakat.

Rakan industri yang terlibat dalam sesi pertukaran surat hasrat bersama YWM adalah:

- 1) **Highfield Healthcare Sdn. Bhd.** – Pembangunan *Hospital Pakar Patuh Syariah Bercirikan Wakaf (Semenyih Specialist Hospital)* yang mengintegrasikan aspek fizikal, mental, dan spiritual.
- 2) **Pahang Gold Sdn. Bhd.** – Pembangunan platform *infaq dan wakaf emas* bagi memberi peluang kepada masyarakat beramal melalui aset emas.
- 3) **Sedania As Salam Capital (SASC)** – Penggunaan platform teknologi digital bagi meningkatkan dana wakaf dan infaq melalui produk kewangan Islam.
- 4) **Emaan Catalyst Community (ECC)** – Pelaksanaan projek wakaf berasaskan pembangunan komuniti dan *social enterprise* secara lestari.
- 5) **Lokalities Group Sdn. Bhd.** – Kerjasama dalam penyediaan dan pengagihan makanan di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) YWM seperti *Program Infaq Sabil di Mekah*.
- 6) **Sekretariat Infaq Nasional (SINA)** – Pelaksanaan *Program Infaq Nasional* dengan kutipan dana infaq bulanan minimum RM10 bagi tujuan kebajikan masyarakat.
- 7) **Kowabunga! Global Pte. Ltd.** – Kolaborasi dalam sektor pendidikan berasaskan pendekatan *Values-First* yang menekankan pembangunan karakter dan sahsiah pelajar.

YWM amat menghargai usaha dan komitmen semua rakan industri dalam menjayakan agenda pemeraksanaan wakaf di Malaysia. YWM berpandangan kolaborasi ini bakal membuka ruang dan potensi kepada pelbagai inovasi sosial berasaskan wakaf yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.

-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
14 Oktober 2025**

Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM dan berwakaf, sila layari www.ywm.gov.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

**Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my**

**Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**